Nama:

Kelas :

Sila tonton video di bawah:



Sila jawab soalan di bawah: Tulis 3 perwatakan bagi watak di bawah.

Cikgu Zaleha

- _____
- _____
- _____

Azizah

- _____
- _____
- _____

LIVEWORKSHEETS

Arahan : Berdasarkan cerpen "Hadiah", tulis urutan nombor bagi sinopsis di bawah

a) Petang itu, Azizah pun menganyam beberapa tudung saji kecil berbekalkan modal sebanyak seringgit lapan puluh sen. Emaknya menambah sebanyak dua puluh sen. Setelah siap enam tudung saji kecil sebagai perhiasan, Azizah pun membawa ke sekolah pada keesokan paginya untuk disampaikan kepada Cikgu Zaleha, iaitu guru kesayangannya.	
b) Azizah pun menyertai pertandingan kraf tangan tersebut dengan menganyam daun nipah, urat mengkuang dan lalang. Azizah telah menghasilkan pelbagai bentuk warna, aneka rupa, teknik dan persembahahan yang menarik untuk menghasilkan set tudung sajinya dalam pertandingan tersebut.	
c) Azizah berasa begitu terharu dan tercabar dengan kata-kata semangat yang diberikan oleh Cikgu Zaleha yang bersungguh-sungguh memujuknya untuk menyertai pertandingan tersebut. Tengah hari itu, Azizah pulang dari sekolah dengan tekad dan semangat yang kuat untuk membuktikan bahawa usaha gigihnya dapat membina keyakinan dirinya	
d) Azizah begitu risau kerana sambutan Hari Guru semakin hampir. Kawan-kawannya sedang sibuk bercakap tentang hadiah masing-masing untuk diberikan kepada guru kesayangan mereka. Azizah terfikir bahawa dia tiada wang untuk membeli hadiah buat guru kesayangannya., iaitu Cikgu Zaleha	
e) Pada suatu pagi, sewaktu Azizah bersarapan dengan emak dan bapanya. Azizah telah meminta bapanya wang sebanyak sepuluh ringgit. Bapanya mengatakan bahawa dia ada wang tetapi wang itu akan digunakan untuk	
f) Sebenarnya, hadiah besar yang dimaksudkan oleh Cikgu Zaleha ialah dia mahukan Azizah menyertai Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah. Cikgu Zaleha meyakini Azizah layak kerana Azizah seorang yang yang rajin dan kuat berusaha	
g) Akhirnya, Azizah menjadi johan pada peringkat daerah dan naib johan pada peringkat negeri. Sementara di peringkat kebangsaan, Azizah memenangi kategori Karya Inovatif. Cikgu Zaleha juga turut memenangi Kategori Guru Inovatif pada Hari Guru Peringkat Daerah	
h) Emak Azizah mencadangkan agar Azizah menganyam raga, bakul atau tudung saji kecil sebagai perhiasan. Emak Azizah bersungguh-sungguh memberikan cadangan tersebut. Azizah bersetuju dengan cadangan emaknya itu	
i) Sewaktu Azizah menyampaikan hadiahnya itu, Cikgu Zaleha mengatakan bahawa dia mahukan hadiah yang besar. Walau bagaimanapun, Azizah memberitahu Cikgu Zaleha bahawa dia tidak mampu	
j) Kemudian, bapanya bertanya tentang tujuan Azizah meminta duit tersebut.Azizah memberitahu bahawa tujuannya untuk membeli hadiah Hari Guru. Hal ini kerana, kawan-kawannya semua membeli hadiah untuk guru kesayangan mereka.	

LIVEWORKSHEETS